

*RM1.1 juta bina lif baharu
Desa Mentari **muka 2***

PERCUMA AHAD 16 APRIL 2017 • 19 REJAB 1438

BIL: 1

Perumahan, kesejahteraan diutamakan

Kerajaan bela nasib penduduk bandar



● **KPKT sasar bina 60,789 unit
Rumah Mampu Milik.**

● **Baiki lif perumahan
kos rendah.**

● **Segerakan pembayaran
Elaun Risiko anggota bomba.**

muka 7

***PPR bakal
dibina di
Kamunting***

muka 3



***Gerakan Rakan Taman
semarak semangat
kesukarelaan***

muka 4

DIARI PARLIMEN

Jawapan

Tan Sri Noh Omar

*Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

muka 5



***Banyak
pertikaian
diselesaikan
melalui dua
tribunal **muka 6*****



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila binti Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani binti Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah binti Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Masalah kerosakan lif di Blok 4, Desa Mentari diberi perhatian oleh Tan Sri Noh Omar dan ia akan diselesaikan dengan pembinaan lif baru menerusi peruntukan RM1.1 juta daripada kerajaan Pusat.

RM1.1 juta bina lif baharu Desa Mentari

KERAJAAN Pusat memperuntukkan sebanyak RM1.1 juta untuk membina lif baharu bagi kemudahan penduduk-penduduk rumah pangsa kos rendah Desa Mentari di Bandar Sunway, Petaling Jaya, Selangor.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar ketika mengadakan lawatan kerja ke rumah pangsa tersebut baru-baru ini berkata, kemudahan lif baharu di kawasan itu amat penting kerana ia telah mengalami kerosakan serta tidak diselenggara dengan baik sejak lima tahun lalu.

Beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menggantikan lif lama di rumah pangsa tersebut yang dijangka bermula Mei ini.

"Saya pernah datang ke sini beberapa kali termasuk sebelum saya menjadi Menteri dan memang menjadi keazaman saya untuk memberi pembelaan kepada rakyat yang tinggal di bandar khususnya mereka yang menetap di rumah pangsa kos rendah.

"Kemudahan lif ini penting untuk penduduk Desa Mentari kerana bayangkan rumah setinggi 11 tingkat, hanya mempunyai dua lif tetapi satu lif itu rosak.

"Justeru, kita akan menggantikan lif ini dengan yang baharu dan ia akan dimulakan dalam masa dua minggu, malah lif ini juga akan turut dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV), jeriji dan kad akses bagi mewujudkan persekitaran yang lebih baik dan sistematik," katanya.

Lawatan kerja itu turut disertai Ketua UMNO Bahagian Kelana Jaya, Datuk Yusoff Haniff dan Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimi



Tan Sri Noh Omar sedang meninjau susur tangga yang rosak di rumah pangsa Desa Mentari serta meluluskan peruntukan RM80,000 bagi membaiki kemudahan tersebut.

Abd. Manaf.

Sementara itu, Noh berkata, kementerian juga akan memberikan peruntukan sebanyak RM80,000 untuk membaiki susur tangga di blok 6 Desa Mentari selain dana tambahan bagi membaik pulih pondok polis di kawasan tersebut yang turut mengalami kerosakan.

Malah, beliau berkata, kementeriannya juga akan membuat dasar baharu yang mewajibkan setiap rumah pangsa menyediakan sebuah taman asuhan kanak-kanak (Taska) bagi kemudahan penduduk-penduduk.

"Saya akan buat dasar segera dan akan maklumkan kepada agensi berkenaan tentang keperluan membuka taska di setiap rumah pangsa di kawasan bandar," jelasnya.

Rumah Pangsa Desa Mentari

- Di bawah selenggaraan kerajaan negeri Selangor.
- Mempunyai tiga blok bangunan setinggi 11 tingkat.
- Setiap blok mempunyai 480 unit rumah.
- Mempunyai kemudahan dua lif di setiap blok bangunan.



Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar (dua dari kanan) memberi penerangan kepada Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir (kanan) berkenaan model rumah PPR Kamunting ketika pelancaran projek berkenaan semasa sambutan Hari Landskap Negara 2017 di Taman Tasik Kamunting, Perak baru-baru ini.

PPR bakal dibina di Kamunting

PROJEK Perumahan Rakyat (PPR) yang menyediakan sebanyak 260 unit kediaman bakal dibina di Kamunting, Perak merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri.

Bagi melaksanakan projek tersebut, kerajaan menyalurkan peruntukan berjumlah RM39 juta dan semua unit kediaman berkenaan dijangka boleh didiami selepas kerja-kerja pembinaan selesai pada 2019.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, projek tersebut diharapkan mampu memberikan manfaat kepada rakyat melalui penyediaan kediaman mampu milik.

"Kita berharap ia dapat membantu mengatasi masalah perumahan khususnya melibatkan rakyat yang berpendapatan RM3,000 ke bawah," katanya dalam Majlis Prapelanaran PPR Kamunting baru-baru ini.

Prapelanaran projek kediaman tersebut telah disempurnakan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir semasa sambutan Hari Landskap Negara 2017.

Sementara itu, Noh mengingatkan

PPR KAMUNTING

- Keluasan: **700 kaki persegi**, 3 bilik tidur, 2 bilik air dan ruang tamu
- Keluasan tanah: **26.52 ekar**
- Kemudahan asas: Tadika, surau, bilik komuniti dan padang permainan

para pembeli agar tidak menjadikan PPR sebagai rumah untuk disewa dan inap desa kerana ia ditawarkan mengikut konsep sewa beli dalam tempoh dua tahun.

Tambah beliau, program sewa milik kediaman PPR di bawah skim sewa beli yang baru diperkenalkan akan diwajibkan melalui tempoh percubaan selama dua tahun.

"Sekiranya penghuni PPR memenuhi segala syarat perjanjian, sewa yang dibayar dalam tempoh dua tahun akan ditukar kepada skim pembayaran sewa milik," katanya.

10,000 unit rumah PPR masih belum didiami

KIRA-KIRA 10,000 buah rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara didapati masih kosong selepas pelaksanaan dasar baharu yang bertujuan memastikan hanya pemohon yang benar-benar layak ditawarkan kemudahan tersebut.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, keadaan itu berlaku ekoran proses tapisan tawaran penyewaan yang ketat oleh kerajaan negeri bagi memastikan calon penyewa yang memperoleh kemudahan itu benar-benar berkelayakan.

"Berdasarkan dasar baharu yang dilaksanakan, proses pemilihan mungkin memakan masa kerana selepas mendapat pengesahan nama pemohon, nama terbabit perlu disemak di

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi memastikan dia belum memiliki rumah selain pendapatannya tidak melebihi syarat yang ditetapkan iaitu tidak melebihi RM2,500.

"Kemudian senarai nama yang diluluskan perlu dipamerkan dalam tempoh tertentu bagi membolehkan orang ramai membuat bantahan jika mereka mempunyai maklumat pemohon itu tidak layak," katanya ketika melawat PPR Seri Aman di Jinjang, Kepong, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, Noh berkata, pihaknya akan memastikan proses itu tidak terlalu panjang bagi membantu mereka yang layak, dapat menggunakan kemudahan tersebut.

"Langkah itu perlu bagi mengelakkan projek PPR yang telah siap dibina oleh kementerian rosak dan terbiar,

sekali gus tidak memberi manfaat kepada rakyat," jelasnya.

Dalam pada itu, Noh berkata, pihaknya akan membantu dalam mempercepatkan proses pengisian rumah di PPR Seri Aman yang mengandungi sebanyak 1,600 unit rumah dan melibatkan kos RM2.17 juta serta sudah siap kira-kira setahun lalu.

"Sebanyak 1,190 unit adalah untuk jualan khusus bagi penempatan semula setinggan di Rumah Panjang Jinjang Utara manakala sebanyak 410 unit akan diuruskan pengisiannya oleh pihak kementerian," jelasnya.

Tambah beliau, pihaknya sedang menunggu pengesahan tarikh daripada Pejabat Perdana Menteri untuk majlis proses penyerahan kunci dalam masa terdekat.

PPR Seri Aman

- Menyediakan sebanyak **1,600 unit rumah**.
- Dibina di atas tanah seluas **3.97 hektar**.
- Peruntukan disalurkan kerajaan **RM215.9 juta**.
- Siap dibina pada Disember 2015.
- **1,000 unit** ditawarkan untuk jualan kepada penduduk setempat.

Tan Sri Noh Omar (kiri) mendengar penerangan daripada Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Datuk Abdul Rahim Ishak (kanan) semasa mengadakan lawatan kerja ke PPR Seri Aman, Kepong, Kuala Lumpur pada 4 April lalu.



Tan Sri Noh Omar (kiri) dan Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Datuk Abdul Rahim Ishak (dua dari kiri) mengadakan lawatan kerja ke PPR Seri Aman pada 4 April lalu.





HARI LANDSKAP NEGARA

"Gerakan Rakan Taman Untuk Kesejahteraan Penduduk"

Gerakan Rakan Taman semarak semangat kesukarelaan

TAMAN Tasik Kamunting, Perak telah menjadi tuan rumah sambutan Hari Landskap Negara 2017 peringkat kebangsaan yang bertemakan 'Gerakan Rakan Taman Untuk Kesejahteraan Penduduk Bandar' pada 2 April lalu.

Hari Landskap Negara yang berlangsung dari 31 Mac hingga 2 April lalu itu disambut lebih 100 Rakan Taman secara serentak di seluruh negara dengan penglibatan kira-kira 10,000 peserta.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar ketika berucap dalam majlis pelancaran tersebut telah menggalakkan komuniti di setiap kawasan untuk mewujudkan Rakan Taman bagi melaksanakan kegiatan kesukarelaan bagi menyelenggara dan melakukan pembaikan kecil fasiliti serta kemudahan landskap di taman awam.

Beliau berkata, bagi penduduk bandar, Rakan Taman dapat dijadikan platform menggalakkan masyarakat melaksanakan pelbagai aktiviti termasuk pertanian bandar dan persekitaran mereka.

"Malah, Rakan Taman juga mampu menyemai kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk menzahirkan sifat sayang kepada entiti landskap di sekitar mereka.

"Oleh itu, sekiranya kita dapat menggerakkan Rakan Taman dalam kalangan komuniti setempat di taman-taman berkenaan, adalah dianggarkan ia akan dapat meningkatkan akses kemudahan rekreasi kepada lebih tujuh juta orang," katanya.

Perasmian sambutan Hari Landskap Negara 2017 peringkat kebangsaan telah disempurnakan oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir.

Sementara itu, Noh berka-

ta, setakat ini, pihak kementerian melalui Jabatan Landskap Negara dan pihak berkuasa tempatan (PBT) telah mewujudkan 228 Rakan Taman di seluruh negara.

Beliau memberitahu, mengikut rekod Jabatan Landskap Negara, sebanyak 2,503 daripada 5,811 taman awam di seluruh negara perlu diselenggara supaya dapat digunakan dengan lebih selamat oleh masyarakat.

Dalam majlis tersebut juga, Noh memberitahu, Jabatan Landskap Negara sedang melaksanakan pelbagai projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) di Perak.

"Ini termasuk Pembangunan Landskap Dataran Bagan Datuk, Taman Awam Baru di Tasik Temoh, Tapah, Taman Rimba Bandar Proton, Tanjung Malim dan Taman Botani, Kamunting dengan nilai keseluruhan kira-kira RM31.01 juta," katanya.




DATUK Seri Dr. Zambry Abdul Kadir (kanan) memberi penerangan kepada Tan Sri Noh Omar ketika pelancaran Hari Landskap Negara 2017.



TAN Sri Noh Omar bersama Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir dan Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Mohammad Mentek (tiga dari kiri) pada majlis pelancaran Hari Landskap Negara 2017.



PARA pengunjung tidak melepaskan peluang untuk bergambar di pameran landskap.



Aktiviti Hari Landskap Negara 2017

- Gotong royong 100 Rakan Taman seluruh negara, 10,000 peserta
- Perkongsian pengalaman Rakan Taman
- Bengkel awam
- Ceramah agama
- Menanam pokok
- Pertandingan mewarna, melukis dan ukiran
- Sukan rakyat
- Pertandingan melukis mural dan reka bentuk landskap
- Persembahan kebudayaan dan pemuzik jalanan
- Senamrobik
- Pemeriksaan kesihatan
- Pameran agensi-agensi kerajaan dan jualan produk

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar (dua dari kanan) bersama Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir (tiga dari kanan) bergambar semasa pelancaran Hari Landskap Negara 2017 di Taman Tasik Kamunting, Perak baru-baru ini.



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

1 Apakah perkembangan terkini cadangan bagi menyelaraskan kuota dan harga Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negara?

Cadangan penyelarasan RMM telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN) Siri 4 Bil. 1/2016 pada 6 April 2016 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan MPN telah bersetuju bahawa harga siling bagi jualan RMM di seluruh negara ditetapkan pada RM300,000 seunit.

Penyelarasan kuota pembangunan RMM bagi setiap negeri telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) Bil. 1 tahun 2017 yang memutuskan perkara ini dibincangkan pada peringkat Exco Perumahan Negeri dan dimaklumkan kepada KPKT untuk tindakan penyelarasan pada peringkat nasional.

■ Sidang Dewan Rakyat, 16 Mac 2017

MENTERI JAWAB

2 Apakah inisiatif Kementerian untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah bagi memiliki rumah kediaman?

- ✓ Memperjelaskan definisi sebenar Rumah Mampu Milik (RMM) dengan menetapkan harga siling jualan RMM kepada RM300,000.
- ✓ Meningkatkan bekalan RMM dalam pasaran melalui sasaran penyediaan 1 juta RMM menjelang 2018.
- ✓ Memperkenalkan pelbagai skim pembiayaan.
- ✓ Mewujudkan mekanisme penjualan RMM yang terhad kepada pembeli rumah pertama termasuk golongan belia.

■ Sidang Dewan Rakyat, 14 Mac 2017

3 Berapakah jumlah unit rumah kos rendah yang sedang dan akan dilaksanakan dalam tahun semasa?

- ✓ Siap dibina:
118 projek
83,380 unit
- ✓ Dalam pembinaan:
33 projek
14,334 unit
- ✓ Dalam perancangan:
29 projek
10,373 unit

- ✓ Cadangan projek PPR Bintulu dalam Perancangan Ketiga 2018, RMK-11

■ Sidang Dewan Rakyat, 14 Mac 2017

4 Senarai pemaju perumahan yang diberikan lanjutan masa untuk menyiapkan projek mereka dari 2013 sehingga kini?

Statistik permohonan lanjutan masa di bawah Peraturan 11(3) Keputusan Pengawal Perumahan:

2014

Permohonan	98
Lulus	85
Gagal	13

2015

Permohonan	143
Lulus	111
Gagal	32

2016

Permohonan	120
Lulus	95
Gagal	25

FEB 2017

Permohonan	26
Lulus	22
Gagal	4

Jumlah keseluruhan

Permohonan	361
Lulus	291
Gagal	70

Statistik permohonan lanjutan masa di bawah Peraturan 12 Keputusan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan:

2014

Permohonan	3
Lulus	1
Gagal	2

2015

Permohonan	11
Lulus	7
Gagal	4

2016

Permohonan	5
Lulus	5
Gagal	0

Februari 2017

Permohonan	0
Lulus	0
Gagal	0

Jumlah keseluruhan

Permohonan	19
Lulus	13
Gagal	6

■ Sidang Dewan Rakyat, 3 April 2017



Banyak pertikaian diselesaikan melalui dua tribunal

TPPS berjaya tangani isu perumahan, pengurusan strata

INISIATIF kerajaan mewujudkan Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) telah berjaya menangani isu-isu kritikal membabitkan pembeli rumah serta penduduk di kawasan perumahan bertingkat di seluruh negara.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, banyak pertikaian dapat diselesaikan melalui dua tribunal di bawah TPPS iaitu Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) dan Tribunal Pengurusan Strata (TPS).

Berhubung TTPR, beliau memberitahu, pertikaian dapat diselesaikan jika tuntutan dibuat ke atas kes yang timbul daripada perjanjian jual beli yang dibuat antara pembeli rumah dan pemaju perumahan berlesen.

"Dua bentuk tuntutan yang boleh difailkan adalah tuntutan bukan teknikal iaitu kelewatan penyerahan milikan kosong serta apabila perjanjian jual dan beli dibatalkan.

"Pengadu juga boleh mengemukakan tuntutan teknikal yang disebabkan oleh kecacatan mutu kerja atau bahan-bahan yang digunakan tidak mengikut pelan dan spesifikasi seperti terkandung dalam perjanjian," katanya.

Sementara itu, Noh menjelaskan, bagi bidang kuasa TPS, tuntutan boleh dibuat membabitkan pengurusan strata seperti kegagalan badan pengurusan bersama (JMB) menyelenggara bangunan atau pemilik gagal membayar yuran penyelenggaraan seperti yang terkandung dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Menurut beliau, proses tuntutan di TPPS adalah lebih mudah, murah dan cepat berbanding



Kerajaan menubuhkan Tribunal Pengurusan Strata bagi menjaga kepentingan pemilik kediaman bertingkat.
- GAMBAR HIASAN

proses di mahkamah kerana penuntut hanya perlu mengisi borang dengan lengkap dan betul, tanpa memerlukan khidmat peguam bela atau peguam cara.

"Tuntutan di TTPR boleh difailkan pada kos serendah RM10 bagi kes TTPR manakala bagi kes TPS, bayaran dikenakan RM100 bagi kediaman dan RM200 untuk komersial serta industri," jelasnya.

Noh menambah, tribunal perlu membuat keputusan dalam tempoh 60 hari selepas pendengaran bermula namun tempoh sebenar bergantung kepada perjalanan sesuatu kes seperti faktor penangguhan kes oleh kedua-dua pihak atau dokumen yang tidak lengkap.

"Tuntutan di TTPR boleh dibuat oleh pembeli rumah manakala TPS oleh pemaju, pembeli, pemilik termasuk pemilik asal, JMB, Perbadanan Pengurusan (MC), Per-

badanan Pengurusan Subsidiari, ejen pengurusan dan mana-mana orang yang berkepentingan dengan kebenaran tribunal," katanya.

Beliau berkata, bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang peranan dan tanggungjawab kedua-dua tribunal tersebut, kementeriannya menganjurkan pelbagai aktiviti termasuk pameran, mengedar risalah, memberi taklimat kepada jabatan kerajaan dan pihak swasta serta kesatuan penduduk selain turun padang menerusi konsep merakyatkan perkhidmatan awam.

Noh yang optimis dengan peranan TPPS pada masa akan datang berkata, badan tersebut berupaya memainkan peranannya secara berkesan bagi melindungi hak rakyat yang membeli rumah dan pihak berkepentingan dalam pengurusan strata.

LOKASI

IBU PEJABAT (PUTRAJAYA)

Tribunal Perumahan Dan Pengurusan Strata
Aras 3, No. 51, Presint 4, Persiaran Perdana, 62100 Putrajaya.

Tel : +(6)03-8891 3284 (Hotline)

Faks : +(6)03-8891 4755

Emel : tribunal@kpkt.gov.my

Mahkamah TPPS Kuala Lumpur

Bangunan Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tingkat 10, Jalan Changkat Semantan
off Jalan Semantan, Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

ZON UTARA

Tribunal Perumahan Dan Pengurusan Strata
Aras 7, Zon B Wisma Persekutuan, Seberang Perai Utara,

13200 Jalan Bertam,
Kepala Batas, Pulau Pinang

Tel : +(6)04-575 9022 /7899/7866

Faks : +(6)04-575 7869

Mahkamah TPPS Pulau Pinang

Bangunan MARA
No.33, Jalan Pengkalan Weld
10300 Georgetown
Pulau Pinang.

ZON TIMUR

Tribunal Perumahan Dan Pengurusan Strata

Tingkat 5-6, Bangunan Darul Takaf (Maidam),
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu,
Terengganu

Tel : +(6)09-6228023/9046

Faks : +(6)09-622 9361

ZON SELATAN

Tribunal Perumahan Dan Pengurusan Strata

Tingkat 20, Menara Ansar, No.65
Jalan Trus,
80000 Johor Bahru,
Johor

Tel : +(6)07-222 8069/8096

Faks : +(6)07-222 8079

Mahkamah TPPS Muar, Johor

No.2 & 3, Tingkat 2
Pusat Dagangan Bakri,
Jalan Bakri
84000 Muar
Johor Darul Takzim

TPPS

Tribunal
Perumahan dan
Pengurusan
Strata

Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)

- Kes mesti difailkan dalam masa 12 bulan dari tarikh pengeluaran perakuan layak menduduki atau tarikh akhir tempoh kecacatan seperti dalam perjanjian.
- Nilai tuntutan tidak melebihi RM50,000.

Tribunal Pengurusan Strata (TPS)

- Tiada had masa bagi pemfailan kes.

40,923
KES

2003-Julai
2016

40,536
KES
SELESAI

1,687
KES

Julai 2015
-Julai 2016

794
KES
SELESAI

790
KES
(SELANGOR)

KES
TERTINGGI

481
KES
(KUALA
LUMPUR)

166
KES
(PULAU
PINANG)

Pembeli boleh memfailkan aduan melalui Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah bagi tuntutan bernilai RM50,000 ke bawah. - GAMBAR HIASAN

BICARA MENTERI

Berbakti membantu rakyat bandar

TANGGAL 30 Jun 2016 saya telah diberi tanggungjawab sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan setelah hampir 10 bulan menggalas tanggungjawab ini, saya berbesar hati kerana melalui kementerian ini, saya dapat terus membantu rakyat di Malaysia, terutama rakyat di kawasan bandar. KPKT bukanlah tanggungjawab pertama saya sebagai seorang ahli pentadbiran Kerajaan Persekutuan namun portfolio KPKT memberi saya peluang untuk berbakti kepada golongan rakyat bandar yang banyak memerlukan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan.

Seperti yang saya sering ungkapkan sejak menjadi Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, "bantuan kepada rakyat bandar, rakyat luar bandar juga dapat tetapi bantuan kepada rakyat luar bandar tidak semestinya rakyat bandar akan dapat." Saya yakin dapat melaksanakan tanggungjawab ini melalui pelbagai program dan produk yang dijalankan oleh sembilan agensi di bawah kementerian saya.

Perumahan merupakan agenda Kerajaan Persekutuan yang sering diulang oleh YAB Perdana Menteri. Sejak tempoh RMK-8 hingga kini, KPKT melalui Jabatan Perumahan

» *Seperti yang saya sering ungkapkan sejak menjadi Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, "bantuan kepada rakyat bandar, rakyat luar bandar juga dapat tetapi bantuan kepada rakyat luar bandar tidak semestinya rakyat bandar akan dapat..."*

Negara telah membelanjakan sebanyak RM6.076 bilion bagi menyiapkan 118 projek perumahan rakyat yang memanfaatkan 83,380 keluarga di seluruh Malaysia. Manifesto oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan sebanyak 1 juta Rumah Mampu Milik menjelang 2018 adalah suatu sasaran yang optimistik untuk rakyat Malaysia dan jumlah komitmen KPKT sebanyak 60,789 unit adalah merupakan sasaran saya sebagai

Menteri di kementerian ini.

Selain daripada perumahan, kesejahteraan hidup rakyat di bandar adalah merupakan isu yang dekat di hati saya. Sejak sebelum saya diberi tanggungjawab sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya sering turun padang untuk melihat sendiri masalah yang dihadapi oleh rakyat terutama mereka yang tinggal di perumahan kos rendah. Antara masalah yang selalu saya lihat dihadapi oleh penduduk di perumahan strata adalah masalah lif yang sering rosak. Bagi saya lif itu adalah seperti sebuah jalan raya di kawasan perumahan. Jika lif tidak berfungsi, bagaimana penduduk boleh menjalani kehidupan yang selesa? Bayangkan jika ada kecemasan seperti kematian dan juga sakit, bagaimanakah penduduk perumahan strata ini menghadapinya?

Isu ini telah saya ketengahkan kepada YAB Perdana Menteri dan beliau yang prihatin telah meluluskan peruntukan khas untuk membaik pulih perumahan kos rendah sebanyak RM200 juta dalam pembentangan bajet 2017 dan setakat ini, saya telah meluluskan bantuan baik pulih untuk lebih 25 buah lif di beberapa perumahan strata kos rendah.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah merupakan agensi

penyelamatan yang banyak berjasa kepada masyarakat dan skop kerja mereka yang sering berdepan dengan bahaya amat saya prihatin. Oleh yang demikian, saya sedang mengusahakan agar pembayaran Elaun Risiko kepada anggota bomba di Malaysia disegerakan. Selain daripada menjalankan tugas penyelamatan, JPBM juga telah membina semula rumah terbakar sebanyak 135 unit dengan kos RM5.4 juta sejak tahun 2012 di bawah program 'house-build' NBOS.


Seperti yang saya katakan, terdapat sembilan buah agensi di bawah KPKT dan setiap agensi mempunyai pelbagai program dan produk untuk membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat di bandar. Saya berbangga dengan program dan produk yang ada di kementerian saya dan KPKT akan dapat terus membantu rakyat di bandar untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Melalui penerbitan Buletin Bandar ini saya berharap akan dapat berkongsi maklumat serta mendapatkan maklum balas daripada rakyat di luar sana.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Kunjungan Hormat

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar (duduk dua dari kanan) dan Timbalannya, Datuk Halimah Mohamed Sadique (duduk kanan) menerima kunjungan hormat delegasi kerajaan Uganda yang diketuai Menteri Tanah, Perumahan dan Pembangunan Bandar Uganda, Betty Amongi (baju biru) di bangunan Parlimen pada 3 April lalu.



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Tan Sri Noh Omar (dua dari kanan) beramah mesra dengan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dalam majlis penyampaian anugerah tersebut pada 27 Mac lalu.



Ekspresi Negaraku

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah, menghadiri Program Ekspresi Negaraku di Dataran Putrajaya pada 18 Mac.



Delegasi Majlis Kerajaan Tempatan Qatar

Delegasi Majlis Kerajaan Tempatan Qatar menandatangani buku ucapan semasa mengadakan kunjungan hormat ke Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sambil diperhatikan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohammad Mentek (kanan) pada 22 Mac lalu.



Delegasi Korea Selatan

Tan Sri Noh Omar menerima kunjungan hormat delegasi Korea Selatan di pejabatnya di Putrajaya, 5 April lalu.



h Mansor bersama menteri-menteri Kabinet termasuk Tan Sri Noh Omar c lalu.



Serah Cenderahati

Tan Sri Noh Omar menyerahkan cenderahati kepada bekas Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT, Datuk Nor Inchun Mohamed Salleh pada Majlis Perpisahan yang turut dihadiri Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Mohammad Mentek (dua dari kiri) di Bangunan KPKT, Putrajaya pada 12 April lalu. Nor Inchun memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mulai 10 April 2017.



Diberi Penerangan

Tan Sri Noh Omar (tengah) diberi penerangan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Abu Bakar Johar (baju batik) semasa mengadakan lawatan ke tapak projek Arena Tapah di kawasan Parlimen Tapah, Perak pada 16 Mac lalu.



Lawatan Kerja

Tan Sri Noh Omar (lima dari kiri) ketika mengadakan lawatan kerja di Brinchang, Cameron Highlands, Pahang pada 19 Mac lalu.



Penerima Kunci Rumah

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique bersama penerima kunci rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar, Noridah Mohd. Yusof di PPRT Kampung Lukut, Kota Tinggi, Johor pada 11 Mac lalu.



Aspek kebersihan dan keselesaan penduduk sentiasa diberi keutamaan.

Surau Ibadurrahman menyediakan ruang untuk umat Islam solat berjemaah dan mengikuti aktiviti keagamaan.



Hasil inisiatif kerajaan bangunkan kawasan setingan



Lif di PPR Kampung Limau sentiasa diselenggara bagi memastikan keselesaan penduduk.

PPR Kampung Limau serba bersih, selesa

MENGIMBAU kembali sepanjang 1990-an hingga 2002, Kampung Limau di Pantai Dalam, Kuala Lumpur ketika itu dikenali sebagai kawasan setingan yang serba kekurangan dari segi kemudahan asas.

Namun, segala-galanya berubah selangkah mata pada 2003 apabila kerajaan memutuskan untuk membina sebuah projek perumahan

rakyat (PPR) bagi memenuhi hasrat dan keperluan penduduk di kawasan berkenaan untuk menikmati sebuah kehidupan yang lebih selesa, kondusif dan harmoni.

Projek itu merupakan hasil usaha dan perancangan kerajaan membangunkan semula Kampung Limau, seiring dengan kemajuan dan kemodenan yang dikecapi di kawasan-kawasan perumahan lain di seluruh negara.

Dinamakan sebagai PPR Kampung Limau, projek perumahan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) itu memberi manfaat kepada kira-kira 3,000 penghuni yang rata-rata tidak berkemampuan untuk memiliki kediaman sendiri di ibu kota sejak mereka mula menghuninya pada 2006.

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Kampung Limau, Ahmad Long berkata, penduduk boleh menyewa setiap unit kediaman pada kadar yang amat rendah iaitu RM124 sebulan malah, mereka berpeluang membelinya pada harga serendah RM35,000.

"Inilah kadar sewa termurah yang hanya boleh dimiliki di PPR. Bagi saya, tiada lagi kadar sewaan yang lebih murah berbanding PPR.



Taman permainan kanak-kanak yang disediakan KPKT di PPR Kampung Limau.





Hentian yang dibina DBKL bagi perkhidmatan bas sekolah percuma di PPR Kampung Limau, Pantai Dalam, Kuala Lumpur.



INFO

PPR KAMPUNG LIMAU

Lokasi
Jalan Pantai Dalam, Kuala Lumpur

2003
Dibangunkan
2006
Mula didiami

Berdekatan
Stesen KTM Komuter Angkasapuri

2 blok
634 unit
3,000 penduduk

Dibangunkan di kawasan setinggan Kampung Limau

Keluasan minimum
700 kaki persegi

3 bilik tidur
2 bilik air ruang tamu & dapur

Kadar sewa
RM124 sebulan
Harga jualan
RM35,000 seunit

"Langkah mengenakan kadar perumahan ini membuktikan sikap dan keprihatinan kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana di ibu kota," katanya.

Menurut Ahmad, dengan kedudukan yang strategik dan menghubungkan beberapa bandar utama seperti Bangsar, Seputeh, Kuchai Lama dan Petaling Jaya, setiap lot dalam bangunan dua blok terdiri daripada 634 unit itu kini menjadi rebutan berikutan lokasinya yang berdekatan kawasan tumpuan ramai antaranya pusat beli-belah Mid Valley, KL Sentral, Universiti Malaya, Angkasapuri dan Muzium Negara.

"Selain itu, akses kepada sistem pengangkutan awam seperti komuter, transit aliran ringan (LRT) dan bas memudahkan penduduk bergerak ke mana-mana destinasi sekitar Kuala Lumpur serta Selangor melalui kaedah yang pantas dan jimat," katanya.

Jelasnya lagi, lebih istimewa apabila kawasan kediaman di bawah pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu turut dilengkapi pelbagai kemudahan asas seperti surau, tempat letak kenderaan berbumbung, gelanggang sukan, padang mini, taman permainan, rumah sampah, dewan komuniti, tadika dan kedai runcit.

Malah, katanya, beberapa kamera litar tertutup (CCTV) dipasang di kawasan awam seperti di lobi, lif, tangga dan tempat meletak kenderaan sebagai langkah

menjamin keselamatan serta keselesaan penduduk.

"Selain itu, perpaduan dalam kalangan penduduk juga terjalin erat berikutan dua organisasi yang ditubuhkan iaitu Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Persatuan Penduduk PPR Kampung Limau memainkan peranan aktif dengan menyusun pelbagai program kemasyarakatan selain bertindak sebagai pemantau di kawasan berkenaan.

"Saya fikir inilah hasrat dan objektif sebenar KPRT yang bukan sahaja bertindak memenuhi kehendak rakyat menerusi penyediaan kemudahan ini malah mahu melihat usaha penduduk setempat dalam membangunkan kawasan mereka melalui kerukunan hidup bermasyarakat," ujarnya.

Sementara itu katanya, persekitaran perumahan yang bersih dan kondusif menjadikan kawasan kediaman di pinggir ibu negara itu selesa didiami oleh penduduk terutamanya mereka yang berkeluarga.

"Jelas sekali suasana yang dinikmati ketika ini amat berbeza berbanding apa yang dirasakan penduduk asal Kampung Limau sewaktu mereka menghuni rumah seting-

gan dahulu.

"Jika dahulu mereka dibelenggu masalah kemiskinan, kedaifan dan kesulitan hidup, kini keadaan itu tidak lagi dialami hasil keprihatinan kerajaan terhadap keperluan dan permasalahan rakyat serta membina pelbagai infrastruktur dan kemudahan untuk mereka," katanya.

APA KATA PENDUDUK?



"TERIMA kasih kepada kerajaan kerana membantu menyediakan perumahan ini. Ia secara tidak langsung dapat meringankan beban kewangan keluarga yang ketika ini dihipit kenaikan kos sara hidup."

TAJUDDIN OSMAN, 57

"IMPIAN untuk memiliki kediaman sendiri akhirnya tercapai selepas kerajaan menawarkan jualan unit pada harga yang jauh lebih rendah berbanding harga pasaran."

CHADURA SEGERAN, 63

"MENDIAMI PPR dengan suasana kehidupan yang agak kompleks merupakan satu peluang untuk saya melibatkan diri dalam program kemasyarakatan seperti gotong-royong yang boleh memupuk budaya perpaduan antara kaum."

SIEW AH CHONG, 68

"PELBAGAI kemudahan asas yang disediakan dapat memberi manfaat kepada penduduk. Saya harap kemudahan ini dapat digunakan sebaiknya sebagai tanda penghargaan kita kepada usaha kerajaan."

ZAWIAH AHMAD, 63



Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Aduan sampah selepas proses pengambil alihan pengurusan



Longgokan sampah tidak dipungut Jumaat lalu dipercayai melebihi dua hari.

GOMBAK - Aduan sampah tidak dikutip mulai diterima sejak bermulanya pengambilalihan pengurusan sisa pepejal tersebut Rabu lalu.

Antaranya di Selayang Utama, Kampung Kerdas dan Selayang Baru yang difahamkan sampah terkumpul tidak dikutip lebih daripada dua hari.

Pengerusi JKKK Kerdas, Md Adnan Sidek memaklumkan kepada Sinar Harian bahawa pihaknya menerima aduan berkenaan sampah tidak dipungut bermula jam 10 pagi semalam.

"Penduduk mulai membuat aduan selepas sampah semakin banyak memenuhi beberapa kawasan sini. Jam 3 petang tadi (Jumaat lalu) sudah kelihatan kontraktor yang datang melakukan kerja kutipan di sini," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Aduan sampah boleh dibuat terus melalui bahagian pusat aduan di talian 019-375 9592

atau emel ke iclean@kdebwm.com.

Terdahulu melalui mesyuarat bulanan Majlis Perbandaran Selayang telah memaklumkan melalui Timbalan Yang Dipertua, Datuk Juhari Ahmad mengenai perubahan kontraktor terdahulu kepada pengurusan KDEB Waste Management bermula 1 Mac lalu.

Juhari berkata, di peringkat permulaan beliau tidak menolak bakal menghadapi sedikit masalah kutipan namun yakin perkara itu mampu diatasi selepas pengurusan baharu mulai menyesuaikan keadaan beberapa bulan kemudiannya.

Pengurusan baharu dijangka bakal menambah zon operasi daripada 31 lokasi kepada 44.

Pihaknya yakin KDEB mampu menyelesaikan aduan sampah melalui pengurusan cekap dan kemudahan lengkap serta canggih.

Keratan akhbar *Sinar Harian* bertarikh 7 Mac 2017

KDEBWM
ambil tindakan
aduan kutipan
sisa pepejal

SYARIKAT konsesi pengurusan sisa pepejal bagi kawasan operasi Majlis Perbandaran Selayang (MPS), KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) telah mengambil tindakan ke atas aduan orang ramai yang disiarkan dalam akhbar Sinar Harian pada 27 Mac lalu.

Langkah-langkah penambahbaikan operasi kutipan sisa pepejal di Selayang Utama, Kampung Kerdas dan Selayang Baru yang dilaksanakan oleh KDEBWM adalah seperti berikut:

- » Menambah jumlah jentera memadatkan sisa pepejal di zon-zon yang mempunyai kuantiti sampah yang tinggi seperti Selayang Utama dan Selayang Baru;
- » Menambah jumlah jentera pengangkut sampah (RORO) di zon-zon yang mempunyai akses laluan yang sempit seperti Kampung Changkat dan Kampung Kerdas;
- » Menambah dan menempatkan tong RORO di kawasan tertentu sebagai stesen pemindahan bagi pengumpulan sampah sebelum dibawa ke pusat pelupusan sampah seperti di Kampung Kerdas;
- » Mengenal pasti lokasi bagi penambahan dan penggantian tong 'Leach Bin' dan MGB untuk diserahkan kepada MPS;
- » Mempercepatkan kemasukan lori baharu KDEBWM yang dijangka 10 unit dapat digunakan pada penghujung Mac 2017.

APLIKASI
I-KEPOH

Aplikasi mudah alih iKepoh merupakan satu inovasi yang dibangunkan oleh KPKT yang memberikan kemudahan kepada orang awam untuk menyalurkan aduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui telefon pintar.



KATEGORI ADUAN

- Kerosakan jalan
- Tumbuhan/rumput
- Lampu/Lampu Isyarat
- Papan Tanda/Iklan
- Serangga/haiwan
- Sampah
- Parkir/binaan
- Pembakaran terbuka
- Tandas
- Longkang Parit

CIRI-CIRI

- » Mudah » Menarik
- » Cepat » Tepat
- » Ringkas » Berkesan
- » Mesra Pengguna

SILA HUBUNGI

Jabatan Kerajaan Tempatan
Aras 28, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
No. Tel: 03-88913104 No. Faks: 03-88913093

FUNGSI

Membenarkan penghantaran aduan bergambar berserta lokasi secara mudah alih.

Memberi maklum balas kepada pengadu dengan lebih responsif.

Memantau statistik aduan oleh PBT atau JKT melalui dashboard yang disediakan dengan lebih efisien.

KELEBIHAN

» Dibangunkan secara *in-house* oleh Bahagian Teknologi Maklumat, KPKT dengan kerjasama Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia (JPBD), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) dan PBT.

» Hybrid Application – merentasi semua platform mudah alih (Android IOS, Windows).

» Diintegrasikan dengan i-Plan yang dibangunkan JPBD.


» Konsep Dynamic Application – Interaktif capaian data ke / dari server.

AZAM BANDAR

PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWANAN

MATLAMAT

Meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran supaya mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan.

**KRITERIA KELAYAKAN**

Ketua Isi Rumah (KIR)
atau Ahli Isi Rumah (AIR)
berumur 18-60 tahun

PBT

Menetap dalam kawasan operasi
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Tidak uzur dan mampu bekerja

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:

Bahagian Kesejahteraan Bandar,
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan
Kerajaan Tempatan,
Aras 15, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel: 03-88915051 Faks: 03-88915547

www.kpkt.gov.my



Berdaftar dan disahkan status
kemiskinan dalam E-Kasih

40%

Kumpulan berpendapatan
40% terendah (B40)



Bukan pelajar Institusi
Pengajian Tinggi (IPT)

#RakyatSejahtera
#AZAMBeyond

MyBOMBA JPP

#HeroKPKT #DalamHatiAdaBomba

PROGRAM gerak kerja komuniti bomba yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Bahagian Kesejahteraan Bandar (BKB), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

**TUJUAN**

Ejen penyampai pengetahuan pencegahan dan keselamatan kebakaran di kawasan kejiranan JPP serta bertindak sebagai *first responder* bagi memadam kebakaran pada peringkat awal.

PERANAN

- Menyampaikan dan menjelaskan peranan JBPM kepada masyarakat setempat.
- Meningkatkan amalan pencegahan kebakaran dan budaya keselamatan kebakaran dalam kalangan masyarakat setempat.
- Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada masyarakat setempat tentang penggunaan peralatan pemasangan keselamatan kebakaran.
- Memperluaskan *networking* dalam kalangan pemimpin masyarakat setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli profesional dengan JBPM.
- Memupuk semangat keprihatinan dalam kalangan masyarakat setempat.

PENDAFTARAN KEAHLIAN

- JPP hendaklah membuat pendaftaran MyBOMBA JPP dengan mengemukakan Borang Pendaftaran MyBOMBA JPP kepada Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri yang berkaitan.
- Keahlian MyBOMBA JPP bagi setiap pasukan hendaklah dianggotai sekurang-kurangnya 10 orang ahli komuniti setempat yang berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai tahap kesihatan yang baik.

AKTIVITI

- **Teman Pili Bomba:** Menjaga dan menyelenggara pili bomba
- **Program Turun Padang:** Pameran, ceramah dan aktiviti kebombaanan
- **Latihan Kebombaanan:** Memadam kebakaran, pengenalan dan pelepasan diri
- **Program Keselamatan Kebakaran Kanak-Kanak (Kelab 3K):** Pertandingan mewarna dan permainan kebombaanan
- **Audit Keselamatan Kebakaran:** Melakukan pemeriksaan mengikut senarai semak keselamatan kebakaran.

The Red Giants buru kemenangan

Sasar unggul Liga Super 2017

KETUA Jurulatih The Red Giants yang baharu, P. Maniam mahu anak-anak buahnya memberi komitmen seratus peratus di tengah padang bagi mencapai misi berada dalam kalangan pasukan terbaik dalam Liga Super musim ini.

Berdasarkan prestasi memberangsangkan skuad kendaliannya setakat ini, beliau yang pernah menyarung jersi Selangor pada 1990-an yakin sasaran itu bukan sesuatu yang mustahil.

Maniam berkata, pemain-pemain Selangor semakin serasi sebagai satu jentera yang mantap untuk memburu kemenangan dalam setiap perlawanan.

"Kombinasi pemain import dan tempatan saya lihat begitu bersemangat bekerjasama di atas padang dalam melakar kemenangan pasukan dan ini suatu perkembangan yang baik," katanya.

Beliau juga berbangga dengan

komitmen yang ditunjukkan para pemain yang beraksi seolah-olah setiap pertembungan adalah perlawanan terakhir mereka.

"Ia memberi petanda Selangor mampu memberi saingan sengit terhadap pasukan-pasukan lain," jelasnya.

Maniam menambah, perlantikan Datuk Seri Subahan Kamal sebagai Presiden Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) yang baharu turut melonjakkan semangat The Red Giants untuk menjadi pasukan yang digeruni lawan lebih-lebih lagi dalam cabaran merebut Piala Malaysia musim ini.

"Kami juga amat berterima kasih dengan peminat yang banyak memberi sokongan selama ini," katanya.

Selain Subahan, antara muka-



P. Maniam

muka baharu yang membarisi Jawatankuasa Eksekutif FAS 2017-2021 ialah Penolong Pengurus skuad Liga Super Selangor Musim 2017, Datuk Mohd. Shahrizal Sahri (Exco) serta dua bekas pemain Selangor, Nazzab Hidzan dan K. Sanbagamaran.

Sementara itu, The Red Giants memperoleh tiga mata penuh setelah menumpaskan Sarawak 2-1 dalam perlawanan

kesembilan Liga Super 2017 di Stadium Majlis Perbandaran Selayang pada 8 April lalu.

Kemenangan di gelanggang sendiri itu dihasilkan menerusi dua gol yang masing-masing dijaringkan oleh Victor Astafei (minit ke-22) dan Francis Forkey Doe (minit ke-49), manakala gol saguhati Sarawak dijaringkan oleh Mateo Roskam pada minit ke-83.

Pemain Selangor, Victor Stelian Astafei meraikan kejayaan selepas menjaringkan gol dalam perlawanan Liga Super menentang Sarawak di Stadium Selayang, Selangor pada 8 April lalu. Selangor berjaya menewaskan Sarawak dengan jaringan 2-1.



KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017

Pasukan	P	M	S	K	G	B	PG	MATA
JDT	9	6	2	1	23	8	15	20
Pahang	9	6	1	2	24	11	13	19
Kedah	9	5	4	0	19	8	11	19
SELANGOR	9	4	3	2	14	10	4	15
Perak	9	4	3	2	14	15	-1	15
Kelantan	9	4	0	5	16	16	0	12
T-Team	9	2	4	3	10	18	-8	10
PKNS	9	2	3	4	15	17	-2	9
Felda	9	2	3	4	9	12	-3	9
Melaka	9	2	2	5	9	21	-12	8
Sarawak	9	2	1	6	8	14	-6	7
P. Pinang	9	1	2	6	5	16	-11	5

*Setakat 14 April 2017

APA KATA MEREKA...



"KAMI mahu The Red Giants kembali beraksi garang seperti semasa era kegemilangannya pada awal 1980-an di mana nama Selangor begitu sinonim gelaran juara Piala Malaysia."

MUHD. ALI ZAKARIAH

Timbalan Pengerusi Alumni Gerakan Belia 4B Kota Raja



"SELANGOR mempunyai barisan pemain yang hebat dengan kualiti tersendiri yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh jurulatih mereka."

MOHD. KHUZAIRI MOHD. RAMLI

Penyokong



"TIADA pasukan lain yang lebih hebat dan saya berharap semua pihak membantu pasukan legenda ini untuk terus mengharumkan nama Selangor."

ABDUL RAHMAN YAHYA

Penyokong



"SAYA berharap pasukan Selangor mempunyai perancangan khas di bawah kendalian P. Maniam terutama jika Andik Vermansyah dapat kembali bermain."

AHMAD RAHMAN

Penyokong

Tiada masalah majlis penutup Sukan SEA 2017 awal sehari

MAJLIS penutup Sukan SEA 2017 yang dipercepatkan sehari kepada 30 Ogos tidak akan memberi masalah besar kepada perjalanan keseluruhan kejohanan sukan tersebut.

Sukan SEA 2017 pada asalnya dijadualkan berlangsung dari 19 hingga 31 Ogos, namun majlis penutup yang ditetapkan pada hari terakhir temasya tersebut didapati terlalu hampir dengan sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos dan Hari Raya Aidiladha pada 1 September.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin mengumumkan perubahan tarikh tersebut selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (MASOC) baru-baru ini.

"Tarikh penutupan telah diawalkan sehari dari 31 kepada 30 Ogos. Ini bagi menghormati Hari Wukuf dan malam Hari Raya Aidiladha.

"Ini akan menyebabkan beberapa pertukaran jadual pertandingan terpaksa dilakukan yang melibatkan lima atau empat sukan," katanya.



Lawatan kerja Tan Sri Noh Omar ke rumah pangsa Desa Mentari di Bandar Sunway, Petaling Jaya, Selangor membuktikan komitmen kerajaan Pusat menjaga kesejahteraan rakyat.



Kesal sikap kurang prihatin kerajaan negeri Selangor

Masalah penduduk bandar belum selesai

KERAJAAN negeri Selangor ditempelak kerana kurang mengambil berat tentang aspek kesejahteraan yang melibatkan golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar menyuarakan kekesalannya kerana masalah yang dihadapi penduduk di kawasan rumah pangsa kos rendah di sekitar Selangor masih belum diselesaikan.

Berdasarkan pemerhatian beliau sewaktu turun padang melawat rumah pangsa kos rendah Desa Mentari di Bandar Sunway, Petaling Jaya baru-baru ini, isu-isu seperti kerosakan lif, pagar penghadang dan kemudahan awam yang kurang diselenggara menghantui penduduk sejak beberapa tahun lalu.

Noh juga menggesa kepimpinan kerajaan negeri Selangor agar bersikap lebih prihatin terhadap masalah yang dihadapi penduduk bandar agar bertepatan dengan slogan 'Peduli Rakyat' yang sering mereka uar-uarkan.

"Apakah kerajaan negeri Selangor yang

sering melaungkan slogan 'Peduli Rakyat' tidak mempunyai perasaan?"

"Contohnya, masalah kerosakan lif di Desa Mentari sering berlaku sejak lima tahun lalu namun isu yang dihadapi penduduk di sini masih belum menerima pembelaan," katanya.

» Masalah kerosakan lif di Desa Mentari sering berlaku sejak lima tahun lalu namun isu yang dihadapi penduduk di sini masih belum menerima pembelaan."

Beliau memberitahu, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) tidak pernah mengabaikan aspek kesejahteraan penduduk bandar termasuk di negeri-negeri yang di bawah pentadbiran pembangkang.

"Malah, saya sendiri pernah melawat Desa Mentari walaupun ketika itu saya belum dilantik sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan," jelasnya.

Sementara itu, Noh yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor meminta jentera parti di negeri berkenaan untuk bersedia menghadapi se-

barang kemungkinan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14.

"Kita perlu memperkukuhkan parti dan apa yang berlaku kepada pembangkang, saya tidak mahu ambil tahu," katanya.



Tan Sri Noh Omar mahu melihat sebuah taska diwujudkan di setiap projek perumahan rakyat (PPR) bagi memudahkan kanak-kanak di kawasan berkenaan mengikuti pendidikan prasekolah.



PPR Kampung Limau bersih, selesa
muka 10



Azam Bandar
Program Latihan Kemahiran & Keusahawanan
muka 13



The Red Giants
sasar unggul Liga Super 2017
muka 14

APA KATA PENDUDUK?

"TERIMA kasih kepada kerajaan kerana membantu menyediakan perumahan ini...."

TAJUDDIN OSMAN, Penduduk PPR Kampung Limau *muka 11*



Buletin



NEGARAKU

Bandar

AHAD 16 APRIL 2017 • 19 REJAB 1438

Buktikan slogan 'Peduli Rakyat'

Selesaikan masalah penduduk bandar

Apakah kerajaan negeri Selangor yang sering melaungkan slogan 'Peduli Rakyat' tidak mempunyai perasaan? Masalah kerosakan lif di Desa Mentari sering berlaku sejak lima tahun lalu namun isu yang dihadapi penduduk di sini masih belum menerima pembelaan."

TAN SRI NOH OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



- Kesal sikap kerajaan negeri Selangor
- Isu-isu penduduk bandar belum diatasi
- BN tidak abai kesejahteraan rakyat

muka 15